

**JOHOR BAHRU 17 April** — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengadap Yang di-Pertuan Agong selama sejam di Istana Bukit Serene di sini hari ini yang menurut sumber-sumber dipercayai khusus untuk membincangkan pembubaran Parlimen sehari dua lagi bagi membolehkan pilihanraya umum diadakan bulan depan. **UM**

Sumber-sumber berkata, dalam pertemuan itu, Perdana Menteri dipercayai telah menasihati Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen esok atau Sabtu ini untuk membolehkan pilihanraya umum diadakan pada 3 Mei.

"Kita percaya pertemuan itu ada kaitan dengan pembubaran Parlimen dan jika ini benar, besar kemungkinan tarikh 22 April ditetapkan sebagai hari penamaan calon dengan 3 Mei atau seminggu kemudian sebagai hari mengundi," kata satu sumber kepada Utusan.

Pertemuan itu memperkuat spekulasi bahawa Parlimen akan dibubarkan esok yang juga merupakan hari terakhir sidang Dewan Negara.

Sepanjang yang diingat, dalam sejarah negara ini pada lazimnya pembubaran Parlimen diumumkan pada hari Jumaat.

Menurut sumber-sumber, kerajaan lebih cenderung mengadakan pilihanraya di Semenanjung lebih awal kerana calon-calon Barisan Nasional sudah pasti mendapat sokongan rakyat untuk memerintah negara dan keputusan ini, sudah tentu akan mempengaruhi trend pengundian bagi pilihanraya Negeri Sabah yang ditetapkan pada 5 dan 6 Mei.

Perdana Menteri tiba dengan pesawat jet eksekutif di Lapangan Terbang Sultan Ismail Senai pada pukul 9.45 pagi dan terus pergi ke Istana Bukit Serene.

Pada pukul 11.20 beliau tiba semula di lapangan terbang itu dengan menaiki kereta jenis Ferrari yang dipandu sendiri oleh Yang di-Pertuan Agong untuk pulang ke Kuala Lumpur dengan pesawat yang sama.

Para pemberita yang menunggu sejak pagi gagal menemui Perdana Menteri oleh kerana para pengawal lapangan terbang mendakwa mereka menerima arahan dari pihak tertinggi supaya tidak membenarkan sesiapa mendekati Datuk Sri Dr. Mahathir.

# Parlimen mungkin bubar

Menteri Besar Johor, Datuk Ajib Ahmad, Setiausaha Kerajaan, Datuk Abdul Rahim Ramli serta beberapa orang ahli Exco kerajaan negeri turut berada di lapangan terbang.

Datuk Ajib ketika ditemui oleh Utusan berkata beliau tidak diberitahu oleh Datuk Sri Dr. Mahathir mengenai rundingannya dengan Yang di-Pertuan Agong dan menyifatkannya sebagai upacara mengadap biasa.

Sumber-sumber di Kuala Lumpur berkata memang menjadi perkara biasa bagi Perdana Menteri mengadap Yang di-Pertuan Agong sebelum atau selepas mesyuarat mingguan kabinet. Mesyuarat kabinet diadakan semalam.

Sumber-sumber Parlimen enggan membuat komen

semasa diminta pengesahan sama ada Parlimen akan dibubarkan esok.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, Haji Abdul Rashid Abdul Rahman tidak dapat dihubungi kerana beliau berada di Sabah.

Bagaimanapun, beberapa orang ahli Parlimen yang dihubungi tidak menolak kemungkinan Parlimen akan dibubarkan berdasarkan kenyataan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa pilihanraya umum akan diadakan secara mengejut.

Mereka membuat perhitungan itu berdasarkan kejayaan Perdana Menteri mendapat sokongan rakyat dalam lawatannya bertemu dengan rakyat di seluruh negara sejak beberapa bulan lalu yang akan diakhiri dengan lawatannya ke Labuan selat na dua hari mulai petang ini.

"Sekarang ini isu Mema-li, BMF, perletakan jawatan Datuk Musa dan lain-lain isu politik telah lenyap dengan penjelasan Datuk Sri Dr. Mahathir dalam siri lawatan - lawatannya," kata satu sumber UMNO.

Ibu Pejabat UMNO telahpun mengedarkan surat pekeliling tentang perlunya menubuhkan jawatan-kuasa gerakan penerangan pilihanraya di semua bahagian untuk menangkis serangan PAS.